

Kutipan cukai petroleum kurang RM31b

Hasil kutipan cukai daripada industri petroleum negara dijangka berkurangan RM31 bilion pada tahun depan berbanding RM43 bilion tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata pengurangan itu susulan kejatuhan harga minyak yang memberi kesan kepada kutipan cukai daripada aktiviti atau syarikat berkaitan petroleum.

“Penurunan ini (harga minyak) memberi kesan kepada dunia dan kesan langsung kepada kutipan cukai kerajaan, terutama membabitkan industri berkaitan petroleum.

Susut RM43 bilion

“Jika dilihat semula, jumlah keseluruhan pendapatan daripada industri petroleum negara menerusi kutipan cukai, royalti dan dividen adalah sebanyak RM65 bilion pada tahun 2014, tetapi susut kepada RM43 bilion tahun ini dan jumlah itu dijangka merosot kepada RM31 bilion tahun depan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Teknikal Tahunan Ke-36, Pertubuhan Pentadbiran Cukai Negara-Negara Komanwel (CATA)



Johari (dua dari kanan) menyempurnakan **pelancaran buku** Persidangan Teknikal Tahunan Pertubuhan Pentadbir Cukai Negara-Negara Komanwel (CATA) kepada Mohd Shukor sambil diperhatikan Blankson (kiri) dan Pengarah Eksekutif CATA, Duncan Onduru di Banda Hilir, Melaka. [FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]

di Hotel Equatorial di Melaka, semalam.

Seramai 117 peserta dari Australia, Afrika Selatan, Brunei, India, New Zealand, Kanada, Pakistan, Singapura, United Kingdom dan Malaysia menyertai persidangan lima hari itu.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Tan Sri

Dr Mohd Shukor Mahfar dan Presiden CATA, George Blankson.

Terdahulu, Johari berkata Malaysia diberi penghormatan menganjurkan persidangan berkenaan yang antara lain bertujuan menjalin perkongsian pintar antara anggota Komanwel berhubung urusan percukaian.

Melalui CATA, katanya, peserta dapat berbincang dan meru-

mus tajuk terpilih berkaitan isu percukaian semasa dalam usaha meningkatkan lagi kualiti kecekapan, kepakaran serta keberkesanan pentadbiran percukaian setiap negara anggota.

“Ia juga dapat mewujudkan kerjasama antara organisasi tempatan dalam usaha memanfaatkan perkhidmatan dan kemudahan sedia ada,” katanya.